

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN SOPIAH BINTI SHARIF

TARIKH : 16 DISEMBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 60

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan mengenai pertambahan bilangan kenderaan-kenderaan yang menggunakan enjin pembakaran dalaman (internal combustion engine) yang menjadi punca utama kepada pencemaran udara. Apakah langkah proaktif yang diambil Kementerian bagi mengatasi masalah ini.

JAWAPAN

Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan sentiasa memberi penekanan yang berat ke atas perkara berkaitan dengan pencemaran alam sekitar dan kemampanan sektor pengangkutan negara untuk tempoh masa panjang. Dalam hubungan ini, Kementerian secara berterusan akan merancang dan melaksanakan inisiatif-inisiatif yang akan menyokong sasaran Sustainable Development Goal (SDG) seperti yang telah diterima pakai oleh negara kita.

2. Sebagai contoh, bagi mengurangkan kebergantungan kepada kenderaan yang menggunakan fossil fuel, Kementerian pada tahun 2011 telah bersetuju untuk memberikan insentif pengurangan Lesen Kenderaan Motor (LKM) sebanyak 50% kepada kenderaan elektrik berbanding kadar asas yang ditetapkan. Bermula daripada pengenalan inisiatif ini, Kementerian mendapati telah terdapat peningkatan dalam jumlah kenderaan elektrik yang didaftarkan di Malaysia iaitu 177 pada 31 Ogos 2011 kepada 6304 buah setakat 15 Oktober 2019.

3. Selain itu, Kementerian juga secara berterusan memperkenalkan inisiatif untuk menambahbaik dan menggalakkan penggunaan perkhidmatan pengangkutan awam terutamanya di bandar-bandar utama di dalam negara. Peningkatan pengangkutan awam akan berupaya mengurangkan kebergantungan kepada penggunaan kenderaan persendirian seperti kereta dan motorsikal. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan adalah dengan memperkenalkan pas My100 dan My50 pas di Lembah Kelang, serta Pas Mutiara di Pulau Pinang. Menerusi program-program di bawah kontrak ISBSF dan SBST pula, Kerajaan secara berterusan memastikan terdapatnya perkhidmatan bas untuk kegunaan orang ramai di seluruh negara.

4. Projek pembangunan MRT2 yang pada masa ini sedang dalam fasa pembangunan juga akan meluaskan lagi jaringan sistem pengangkutan awam di kawasan Lembah Kelang, menghubungkan stesen Sungai Buloh ke Stesen Kampung Batu dan Stesen Kampung Batu ke Putrajaya

Sentral. Pembangunan projek MRT2 ini akan melibatkan pembangunan jajaran pengangkutan awam sejauh 52.2 kilometer dengan jumlah keseluruhan sebanyak 35 stesen dan dijangka akan siap sepenuhnya dalam pertengahan tahun 2022.

5. Disamping itu, Kementerian juga sedang dalam proses untuk membangunkan pelaksanaan perkhidmatan bas elektrik di seluruh negara, yang dijangka akan mengurangkan lagi kebergantungan kepada basi konvensional seterusnya mengurangkan impak dan isu berkaitan alam sekitar, seperti pemanasan global, kualiti udara, implikasi kesihatan dan pencemaran Gas Rumah Hijau (GHG) daripada sektor pengangkutan. Kementerian menjangkakan untuk mula melaksanakan *pilot project* bagi pelaksanaan elektrik bas ini dalam penggal ketiga tahun 2020.

Sekian, terima kasih.

